



LAPORAN HARIAN STATUS KEJADIAN RABIES DI SARAWAK

7 November 2017

1. DVS Sarawak telah menerima aduan dari KKM berkaitan kejadian kes rabies pada 30 Jun 2017 di mana 3 kes disahkan pada manusia di Serian Sarawak (1 kes di Kg Lebor dan 2 kes di Kg Paon Rimau Bakung).
2. Tiada penemuan kes rabies positif baharu dikesan oleh pihak VRI, Ipoh. Jumlah keseluruhan kes positif kekal sebanyak 53 kes dari 265 sampel yang telah diuji. Ini melibatkan lokasi kes positif sebanyak 26 kampung dari 4 Bahagian di Sarawak iaitu Serian, Sri Aman dan Kuching dan Samarahan.
3. Status terkini tindakan dan aktiviti DVS sehingga **6 November 2017** adalah sebagaimana berikut:
 - a. Operasi pemantauan pasif dan aktif pada haiwan telah dilakukan dalam lingkungan 10km dari lokasi yang disahkan rabies dengan jumlah sebanyak 229 ekor anjing telah diperiksa.
 - b. Operasi pemvaksinan dijalankan di dalam 10km radius dari lokasi yang telah disahkan rabies dengan sebanyak 229 ekor anjing telah divaksin.
 - c. Sebanyak 21 ekor anjing telah dimusnahkan dalam operasi pemusnahan yang dijalankan di dalam 10km radius dari lokasi yang disahkan rabies.
 - d. Aktiviti kempen kesedaran telah dijalankan di dalam 10 km radius dari kawasan yang telah disahkan rabies dengan penyertaan seramai 17 orang peserta.
4. Secara keseluruhan sehingga **6 November 2017**
 - a. Pemantauan pasif dan aktif di dalam lingkungan 10km radius dari lokasi yang disahkan rabies kekal dengan bilangan sebanyak 48,817 ekor haiwan (38,535 ekor anjing dan 10,282 ekor kucing) telah diperiksa.

- b. Jumlah haiwan yang telah divaksin dalam operasi pemvaksinan kekal sebanyak 41,677 ekor (33,733 ekor anjing dan 7,904 ekor kucing).
 - c. Jumlah haiwan yang telah dimusnah dalam operasi pemusnahan adalah sebanyak 1,234 ekor anjing dan 41 ekor kucing (disyaki Rabies).
 - d. Jumlah penyertaan dalam kempen kesedaran awam rabies adalah kekal sebanyak 36,758 orang penduduk.
5. Sehingga kini Kerajaan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan sebanyak 26 kawasan jangkitan wabak rabies iaitu 20 kawasan di Bahagian Serian, 1 kawasan di Bahagian Sri Aman, 4 kawasan di Bahagian Kuching dan 1 kawasan di Bahagian Samarahan telah diwartakan sebagai kawasan jangkitan.
6. Seramai 50 orang petugas DVS telah digerakkan untuk tindakan aktiviti kawalan rabies.
7. Jumlah keseluruhan sebanyak 265 sampel kepala haiwan (anjing dan kucing) yang disyaki rabies telah diambil dan diuji oleh VRI.

Disediakan:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

7 November 2017.